

OUR COMMITMENT TO SUSTAINABLE BIOMASS THROUGH THE MSPO CHAIN OF CUSTODY OF OIL PALM BIOMASS (MS 2751:2022)

Our company is committed to upholding the principles of transparency, traceability, and sustainability in every step of our biomass value chain. Through the Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Chain of Custody of Oil Palm Biomass (MS 2751:2022) certification, we ensure that all materials used in our production are sourced responsibly from verified, legal, and sustainable oil palm origins.

Traceable and Responsible Biomass Utilization

We apply a strict traceability system to monitor the flow of materials, from plantation or mills to finished products, ensuring accurate record-keeping and balance according to the MSPO Mass Balance principle.

Turning Palm Waste into Something Good

Instead of letting oil palm waste go unused, we turn it into something valuable:

- Pulp and paper products made from oil palm empty fruit bunches,
- Biofertilizer from waste of our pulp process,
- Animal feed from palm kernel cake.

Nothing is wasted, everything is reused. This way, we help keep the environment clean and support Malaysia's move toward a zero-waste future.

Caring for the Environment and Community

We power our plant using solar energy and biomass fuel, treat our water safely before reuse, and make sure air and noise levels stay within safe limits. We also create local job opportunities and welcome ideas or feedback from the community.

Together for a Greener Tomorrow

We're proud to be part of a movement that turns what used to be waste into something useful, responsibly and sustainably.

Thank you for supporting local industries that care for both people and the planet.

**NEXTGREEN PULP & PAPER SDN. BHD.
1 NOVEMBER 2025**

KOMITMEN NEXTGREEN KEPADA BIOJISIM LESTARI MELALUI MSPO CHAIN OF CUSTODY OF OIL PALM BIOMASS (MS 2751:2022)

Syarikat kami komited menjunjung prinsip ketelusan, kebolehkesanan, dan kelestarian di setiap peringkat rantai nilai biojisim. Kami memastikan bahawa setiap bahan yang digunakan dalam proses pengeluaran diperoleh secara bertanggungjawab daripada sumber kelapa sawit yang sah, beretika, dan diurus secara Lestari, selaras dengan Pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Chain of Custody of Oil Palm Biomass (MS 2751:2022)*.

Ketelusan dan Kebolehkesanan dalam Penggunaan Biojisim

Kami melaksanakan sistem kebolehkesanan yang kukuh dan menyeluruh bagi memantau setiap aliran bahan — dari ladang atau kilang pemprosesan hingga ke penghasilan produk akhir. Langkah ini memastikan ketepatan rekod, ketelusan proses, serta pematuhan sepenuhnya terhadap prinsip Keseimbangan Jisim (*Mass Balance*) seperti yang ditetapkan di bawah piawaian MSPO (MS 2751:2022).

Mengubah Sisa Sawit Menjadi Sumber Bernilai

Kami mengamalkan pendekatan ekonomi kitaran dengan mengubah sisa kelapa sawit yang lazimnya terbiar kepada sumber bernilai dan produk bermanfaat, termasuk:

- Pulpa dan kertas yang dihasilkan daripada tandan kosong kelapa sawit,
- Baja bio yang diperoleh daripada sisa proses pengeluaran pulpa,
- Makanan ternakan berasaskan isirong kelapa sawit.

Tiada Sisa, Segalanya Bernilai. Melalui pendekatan sifar sisa (*zero waste*) ini, kami komited memelihara kebersihan alam sekitar sambil menyokong aspirasi Malaysia menuju masa depan yang lebih mampan dan bebas sisa.

Prihatin terhadap Alam Sekitar dan Komuniti

Kami mengoperasikan loji menggunakan tenaga solar dan bahan api biojisim sebagai sumber tenaga utama. Air sisa dirawat secara selamat sebelum diguna semula, manakala kualiti udara dan tahap bunyi sentiasa dipantau bagi memastikan ia kekal dalam had yang dibenarkan. Pada masa yang sama, kami turut mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat serta menggalakkan penyertaan, pandangan, dan maklum balas mereka dalam usaha memperkukuh kelestarian bersama.

Bersama ke Arah Masa Depan yang Lebih Hijau

Kami berbangga menjadi sebahagian daripada inisiatif yang mengubah sisa kepada sumber bernilai, dilaksanakan secara bertanggungjawab, beretika, dan lestari. Terima kasih atas sokongan anda terhadap industri tempatan yang komited memelihara alam sekitar serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

NEXTGREEN PULP & PAPER SDN. BHD.
1 NOVEMBER 2025